

Ruj. Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.5 (29)
Tarikh : 11 Januari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Unit Gaji JANM Negeri Perak dalam tindakan mengemaskini maklumat pendapatan bercukai/ tidak bercukai/ bayaran luar sistem di IT0547 untuk tujuan janaan Penyata Pendapatan Tahunan 2023.

3. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan tambahan maklumat pegawai di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan yang perlu dilengkapkan seperti format di Jadual 1:

- 3.1 **Kod BIK 805 dan 806 - Senarai Pulangan Balik Potongan Cukai Pendapatan yang dibuat oleh LHDN** kepada pegawai akibat pelarasan gaji dalam tahun 2023 (sekiranya ada);
- 3.2 **Kod BIK 810 - Senarai Pulangan Balik KWSP** kepada pegawai akibat pelarasan gaji dalam tahun 2023 (sekiranya ada);
- 3.3 **Kod BIK 801 - Senarai Pulangan Balik Emolumen Bercukai** melalui kaunter (selain dari sistem iGFMAS HCM - Payroll) dalam tahun 2023 (sekiranya ada); dan
- 3.4 **Kod BIK 812 - Senarai Pulangan Balik Elaun Tidak Dikenakan Cukai** melalui kaunter (selain dari sistem iGFMAS HCM - Payroll) dalam tahun 2023 (sekiranya ada).

4. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan untuk menyatakan dengan jelas di Jadual 1 pecahan amaun gaji pokok dan elaun-elaun tahun 2023 di dalam resit bagi perenggan 3.3 dan 3.4. Jadual 1 yang telah lengkap diisi perlu disertakan dengan **dokumen sokongan seperti salinan resit, arahan pembayaran dan dokumen berkaitan yang telah disahkan. Dokumen tersebut hendaklah dihantar segera ke Unit Gaji JANM Negeri Perak atau selewat-lewatnya pada 31 Januari 2024 (Rabu) sebelum jam 2.00 petang.**

5. **Hanya satu (1) Penyata Pendapatan Tahunan yang akan dikeluarkan berdasarkan nombor gaji**, walaupun pegawai berkenaan telah berpindah ke beberapa PTJ/AO yang berbeza pada tahun 2023.

6. Komitmen daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan proses larian Penyata Pendapatan Tahunan 2023 dapat berjalan dengan lancar. Di samping itu, Borang C.P.8D (Penyata Saraan Daripada Penggajian) juga dapat dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**